

LAPORAN
PERTANDINGAN IMOJI DULUX STUDENTS SATURDAY YANG TELAH DIADAKAN
PADA 8 OKTOBER 2016 DI PERPUSTAKAAN KUALA LUMPUR

Satu pertandingan Imoji Dulux Students Saturday telah diadakan pada 8 Oktober 2016 yang lalu bertempat di Perpustakaan Kuala Lumpur.

Pertandingan tersebut telah disertai oleh 6 orang pelajar program Rekabentuk Dalam Tahun 3 dari Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan, Universiti Sains Malaysia dan salah seorang pelajar iaitu **Saudara Afiq Aslam b. Abd. Syukur**, pelajar Tahun 3 telahpun dipilih sebagai finalis untuk kategori **Hospitality Design (Resort Design)** bagi pertandingan ini dan alhamdulillah beliau juga telahpun terpilih sebagai **pemenang ke-3** untuk kategori ini. Sekalung tahniah dan penghargaan diucapkan kepada beliau yang telah berusaha keras demi menjayakan pertandingan ini.

Berikut adalah info tentang pertandingan tersebut :-

Nama Pertandingan :
"2puluh:5" MIID DULUX Interior Design Students' Saturday

Kategori : Hospitality Design (Resort Design)

Bil. Institusi yang bertanding :
19 institusi (Univ. dan Kolej)

Untuk pensyarah yang terlibat iaitu Prof. Dr. Azizi Bahauddin, Prof. Dr. A. Ghafar Ahmad dan Dr. Safial Aqbar Zakaria diucapkan tahniah diatas segala komitmen dan tunjuk ajar yang diberikan.

Semoga di masa – masa akan datang Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan akan terus maju dan cemerlang dengan kejayaan yang dicapai oleh para pelajar serta tenaga pengajarnya yang tidak pernah jemu untuk mengilap idea baru dan meningkatkan prestasi pusat pengajian ini.

(GAMBAR PEMENANG AFIQ ASLAM B. ABD. SYUKUR)



(HASIL KARYA PELAJAR AFIQ ASLAM B. ABD. SYUKUR)

